

Saman JPJ dalam

UM 14 NOV 2001

Oleh MOHD. TAUFEK RAZAK

POH 13 Nov. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) hanya memerlukan masa 30 saat untuk mengeluarkan saman kepada pesalah jalan raya apabila pelaksanaan sistem e-penguatkuasaan diperkenalkan tidak lama lagi.

Ketua Pengarah JPJ, Datuk Mohd. Shahar Sidek berkata, selain berupaya mengelakkan kesesakan lalu lintas setiap kali operasi skatan jalan raya diadakan, ia juga dapat mengelakkan gejala rasuah dalam proses mengeluarkan saman.

"Buat masa ini, percubaan ke atas sistem itu akan dilakukan di Kuala Lumpur yang melibatkan beberapa

unit kenderaan JPJ kerana kita mahu melihat keberkesannya terlebih dulu.

"Ini merupakan projek perintis. Walaupun sistem ini bukan baru memandangkan ia telah banyak digunakan tetapi tujuan kita ialah untuk meningkatkan kecekapan unit penguatkuasaan JPJ." ujarnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan majlis pelancaran JPJ Ronda dan sambutan Minggu Kualiti JPJ Perak di sini hari ini.

Turut hadir Pengarah Bahagian Penguat Kuasa JPJ, Abd. Ghani Che Kassim, Pemangku Pengarah JPJ Perak, Che Ab. Rahim Che Daud serta pengarah-pengarah JPJ negeri seluruh negara.

masa 30 saat

Katanya, pelancaran pasukan khas iaitu JPJ Ronda adalah antara langkah pertama jabatan itu ke arah pelaksanaan e-penguatkuasaan yang akan bertindak sebagai saluran tambahan untuk meningkatkan lagi kecekapan penguatkuasaan.

Selain memantau pelanggaran peraturan jalan raya oleh orang ramai bersama polis dan Lembaga Pelesenan Kendaraan Perdagangan (LPKP), JPJ Ronda juga bertanggungjawab ke atas kelancaran pengangkutan awam terutama pada musim perayaan di samping memberi bantuan kepada pengguna lebuhraya yang mengalami kesusulitan, kemalangan atau kerosakan kenderaan.

Menurut Mohd. Shahar, dengan adanya sistem

e-penguatkuasaan itu nanti, anggota penguat kuasa hanya perlu mendapatkan lesen memandu dan menyatakan bentuk kesalahan sebelum surat saman dikeluarkan dengan pantas.

Katanya, idea mewujudkan sistem ini lahir daripada pertanyaan yang ditimbulkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam mesyuarat Kabinet yang mempersoalkan mengenai berlakunya kesesakan lalu lintas setiap kali operasi penguatkuasaan dibuat.

Sehubungan itu, katanya, JPJ telah berusaha membangunkan pangkalan data maklumat kenderaan yang sehingga ini turut digunakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) secara on-line.